

**Pelanggan yang dihormati,**

Lembaran Maklumat Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting tentang pembiayaan perdagangan anda. Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu, anda juga harus membacanya.

**1 APAKAH ITU ACCEPTED BILL-i (AB-i) PURCHASE**

**AB-i (Purchase)** merupakan kemudahan bil pertukaran boleh runding yang dikeluarkan oleh bank di Malaysia untuk pembiayaan eksport, import dan jualan serta pembelian perdagangan domestik yang patuh Syariah. Kadar pembiayaan terapan berdasarkan *Cost of Fund* (COF) dan *spread* dikira setiap hari dari penggunaannya sehingga matang. Ini merupakan kemudahan pembiayaan Ringgit Malaysia (RM) untuk membiayai pembelian barangan boleh niaga anda yang merangkumi bahan mentah, barangan separa siap dan barangan siap dalam bentuk tunai dan invois berjangka kredit.

Kontrak Syariah yang berkenaan ialah *Murabahah to the Purchase Orderer* (MPO) yang merujuk kepada kontrak jualan dengan pendedahan harga kos dan keuntungan kepada pelanggan yang membuat pesanan barangan.

Kontrak Syariah sokongan lain yang berkenaan ialah:

- Wa'd - Janji unilateral yang merujuk kepada pernyataan komitmen yang diberikan oleh satu pihak kepada pihak lain untuk melaksanakan tindakan tertentu pada masa hadapan.
- Wakalah - Kontrak apabila satu pihak, sebagai prinsipal (muwakkil) memberi kuasa kepada pihak lain sebagai ejennya (wakil) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam perkara yang mungkin diwakilkan, dengan atau tanpa pengenaan yuran.

**2 KETAHUI KEWAJIPAN ANDA**

**Bagi pembiayaan ini, sebagai ilustrasi:**

- Invois / Amaun Pembiayaan Anda = **RM704,000.00**
- Tarikh Penerimaan Barangan = **25/06/2025**
- Tarikh Permohonan Dihantar = **07/07/2025**
- Tempoh Kemudahan Anda = **90 hari**
- Tempoh Pembiayaan = **78 hari**
- Kadar Keuntungan Bank = **5.33% (setahun)**  
**(\*COF ± Spread)**
- Harga Jualan Bank = **RM712,018.66**
- Margin Keuntungan Bank = **RM8,018.66**

**Anda bertanggungjawab untuk:**



Baca dan fahami **terma-terma utama** dalam **kontrak** sebelum anda menandatangani.



Bayar nilai penuh pembiayaan AB-i (Purchase) pada akhir tempoh.



**Segera hubungi kami** jika anda tidak dapat membayar kemudahan pembiayaan anda.

*\*Kos Dana (COF) + spread (spread tertakluk kepada kelulusan Bank Islam) akan disediakan oleh Bank Islam atas permintaan kemudahan tersebut. Untuk ilustrasi ini, COF diandaikan pada 3.83% setahun manakala spread pada 1.5% setahun.*

**Anda perlu membayar yuran dan caj berikut:**

- Duti setem:
  - Kemudahan: 0.5% daripada had kemudahan.
  - Notis Penggunaan: RM10 bagi setiap penggunaan kemudahan.
  - Surat Indemniti: RM10 (jika berkenaan).
- Fi dan Komisen.
- Caj SWIFT / Rentas (jika berkenaan)
- Pos dan Kurier (jika ada).
- Pembatalan kemudahan: Semua kos yang telah ditanggung oleh Bank Islam disebabkan pembatalan oleh pelanggan (jika ada).
- Caj pembayaran lewat: Jumlah yang bersamaan dengan *Islamic Interbank Money Market Rate* semalaman harian semasa ke atas baki tertunggak iaitu Harga Jualan tertunggak ditolak Ibra' (jika ada).

**Nota:** Sila rujuk laman web kami di [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com) untuk maklumat lanjut mengenai yuran dan caj.

**3 KETAHUI RISIKO ANDA**

**Apakah yang akan berlaku jika anda mengabaikan kewajipan anda:**

- Anda dikehendaki membayar pampasan kepada kami atas sebarang kerugian sebenar yang ditanggung oleh kami akibat pelanggaran janji (Wa'd) anda dan janji untuk membeli barang daripada kami.
- Anda perlu **membayar lebih secara keseluruhan** disebabkan oleh caj lewat bayar (caj ganti rugi/ Ta'widh).
- Kami boleh **menolak** wang daripada mana-mana akaun anda yang ada dengan kami bagi menolak selesai baki pembiayaan anda yang tertunggak.
- Kami boleh **mengambil tindakan undang-undang** dan **melaksanakan semua hak serta remedi** yang tersedia di bawah perjanjian cagaran.
- Skor kredit** anda mungkin akan terjejas menyebabkan kredit menjadi lebih sukar atau mahal kepada anda.

VI. Mencetuskan kemungkiran bersilang terhadap kemudahan lain dengan Bank Islam.

#### 4 SYARAT UTAMA LAIN

- Maklumkan kepada kami mengenai sebarang perubahan dalam butiran perhubungan anda.
- Perlindungan takaful adalah pilihan, namun, anda atau pembekal/pembeli anda dinasihatkan untuk melanggan sebarang perlindungan Takaful yang sesuai.
- Jika anda tidak memenuhi keperluan kredit minimum, kami mungkin memerlukan penjamin atau cagaran bagi membolehkan anda meneruskan permohonan.
- Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit telah ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pinjaman secara percuma kepada individu / pemilik tunggal / perusahaan kecil dan sederhana.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai produk kami, anda boleh:



Hubungi kami di  
**+603-26 900 900**



Layari kami di  
**<https://www.bankislam.com>**



E-mel kami melalui  
**[contactcentre@bankislam.com.my](mailto:contactcentre@bankislam.com.my)**

#### Perakuan Pelanggan

(Perakuan pelanggan ke atas PDS ini tidak akan menjejaskan hak merayu (redress) pelanggan jika berlaku pertikaian seterusnya mengenai terma dan syarat produk).

Pastikan anda mengisi sendiri bahagian ini dan mengetahui tujuan anda menurunkan tandatangan.

- Saya mengakui Bank Islam telah memberikan kepada saya salinan PDS.
- Saya telah membaca dan memahami maklumat penting yang terkandung dalam PDS ini.

\_\_\_\_\_  
Nama:  
Tarikh:

CONFIDENTIAL